



UNTUK EDARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

LTAT MENYAMBUT BAIK PENGUMUMAN BAJET 2023 KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 24 Februari 2023 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") menyambut baik inisiatif Kerajaan dalam pengumuman Bajet 2023 di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Pembentangan Bajet 2023 yang berteraskan konsep 'Membangun Malaysia Madani' merupakan kesinambungan usaha Kerajaan dalam pemulihan dan pemerksaan ekonomi negara termasuklah untuk memelihara kebajikan rakyat.

Seperti yang dinyatakan dalam pengumuman Bajet 2023, LTAT dengan kerjasama Kementerian Pertahanan ("MINDEF") dan Kementerian Pertanian & Keselamatan Makanan ("MAFS") akan memperuntukkan 70 ekar tanah yang dimiliki oleh syarikat dalam Kumpulan LTAT sebagai perintis projek domestik pertanian jagung bijirin secara besar-besaran bagi menyokong agenda keselamatan makanan negara, dalam masa yang sama memberikan program kerjaya kedua untuk veteran Angkatan Tentera Malaysia ("ATM").

Selain itu, LTAT menyokong penuh inisiatif Kerajaan dalam mengembangkan Program Kerjaya Kedua Veteran ATM melibatkan seramai 5,000 veteran yang akan berpencen tahun ini. Kumpulan syarikat LTAT serta rakan strategik yang lain akan bekerjasama dalam menyediakan latihan kemahiran yang komprehensif untuk meningkatkan peluang pekerjaan serta penjanaan pendapatan sekali gus memberi perlindungan sosial yang diperlukan oleh veteran.

"Di LTAT, kebajikan dan perlindungan sosial penyumbang kami, veteran masa depan dan semasa, adalah asas mandat organisasi kami. Kami berbesar hati kerana diberi peluang untuk merealisasikan usaha Kerajaan demi kepentingan terbaik penyumbang

kami, yang merupakan pemegang taruh utama LTAT,” kata Ketua Eksekutif LTAT, Dato’ Nazim Rahman.

“Kami melihat inisiatif Bajet 2023 ini sebagai perkara yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi kerana ia dapat menangani isu keterjaminan makanan selaras dengan agenda nasional negara serta meningkatkan peluang pekerjaan. Secara holistiknya, hal ini akan meningkatkan daya saing negara ke arah menjadikan Malaysia negara yang maju. LTAT dan Kumpulan-Kumpulan Syarikat yang lain akan kekal teguh dalam melaksanakan tugas kami dan menyampaikan nilai tambah kepada pihak berkepentingan,” tambahnya.

Dalam pada itu, LTAT akan meneruskan Pelan Transformasi bagi mengukuhkan lagi peranannya sebagai sebuah dana persaraan berprestij tinggi dan bertaraf dunia.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

24 FEBRUARI 2023

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela-

LTAT menguruskan hampir RM10.4 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2022, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan harta tanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusniaga kewangan serta industri berat. LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencarum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri

Pengarah dan Ketua Jabatan Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : www.ltat.gov.my